

Kebangkitan Zahid, daripada setiausaha politik Najib kepada TPM
The Malaysian Insider
July 28, 2015

Timbalan perdana menteri yang baharu dilantik Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi meningkat daripada jawatan setiausaha politik kepada Datuk Seri Najib Razak pada penghujung 1980-an hingga menteri dalam negeri pada 2013, melonjak kembali dari tempoh hitam kerjayanya apabila dipulaukan kerana mengkritik perdana menteri pada masa itu, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Zahid, 62, yang pernah menjadi sekutu kepada bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, tercidir daripada barisan kepimpinan kerajaan apabila beliau menyeru supaya amalan kronisme dan nepotisme dihentikan pada perhimpunan agung Umno 1997.

Memegang kerusi Parlimen Bagan Datoh sejak 1995, Zahid dilantik sebagai timbalan menteri pelancongan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi dan kemudiannya menjadi menteri penuh pada 2009.

Zahid, yang juga naib presiden Umno mencetuskan kontroversi apabila terdedah maklumat beliau menulis surat kepada Biro Siasatan Persekutuan (FBI) berhubung raja judi Paul Phua Wei Seng, yang ditahan di Amerika Syarikat.

Susulan kritikan itu, bekas ahli perbankan itu berkata surat berkenaan tidak berniat untuk mempertahankan Phua yang berdepan perbicaraan tetapi bagi menjelaskan status Phua dan kewujudan kongsi gelap 14K di Malaysia. – 28 Julai, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kebangkitan-zahid-daripada-setiausaha-politik-najib-kepada-tpm>